

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1989**

=====

**DASAR PENGELUARAN DAN PEMBAHARUAN LESEN
MENDUDUKI SEMENTARA DI ATAS TANAH
KERAJAAN DAN TANAH RIZAB DALAM KAWASAN
ESTET UNTUK TUJUAN PERTANIAN KEPADA
SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMILIKI ESTET**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan di mesyuaratnya pada 29hb. September 1989 telah meluluskan suatu dasar mengenai pengeluaran dan pembaharuan Lesen Menduduki Sementara di atas tanah Kerajaan dan Tanah Rizab dalam kawasan estet untuk tujuan pertanian kepada pemunya-pemunya yang memiliki estet itu, seperti berikut:-

- (i) Pengeluaran Lesen Menduduki Sementara ke atas tanah-tanah yang telah menjadi tanah Kerajaan selepas diambil balik sebahagian dari sesebuah estet tetapi belum digunakan untuk sebarang projek Kerajaan hendaklah diberi pertimbangan kepada estet yang berkenaan.
- (ii) Pengeluaran Lesen Menduduki Sementara bagi tanah-tanah rizab jalan atau rizab parit yang berada di dalam kawasan sesebuah estet dan yang telah ditanam dengan getah atau kelapa sawit atau lain-lain tanaman kekal, hendaklah diberi pertimbangan kepada estet di mana tanah-tanah itu berada.
- (iii) Pengeluaran Lesen Menduduki Sementara ke atas tanah rizab jalan atau tanah rizab parit yang berada di antara dua buah estet atau lebih, dan yang telah ditanam dengan getah atau kelapa sawit atau lain-lain tanaman kekal, hendaklah diberi pertimbangan kepada salah sebuah estet itu dengan keutamaan kepada estet yang telah mengusahakan tanah itu.
- (iv) Pengeluaran Lesen Menduduki Sementara ke atas tanah Kerajaan yang menjadi sempadan antara dua buah estet atau lebih dibuat melalui tawaran awam atau atas budibicara Pihak Berkuasa Negeri.
- (v) Pengeluaran Lesen Menduduki Sementara ke atas tanah Kerajaan yang berada di antara sempadan sesebuah estet dengan tanah rizab jalan atau rizab sungai dibuat melalui tawaran awam atau atas budi bicara Pihak Berkuasa Negeri
- (vi) Bayaran Lesen Menduduki Sementara
 - (a) Bandar dan Pekan (Town and Village Land)

Tidak kurang daripada \$30.00 dan tidak lebih daripada \$500.00 setahun bagi setiap hektar atau sebahagian daripadanya.

(b) Tanah Desa

Tidak kurang daripada \$30.00 dan tidak lebih daripada \$200.00 setahun bagi setiap hektar atau sebahagian daripadanya.

2. Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang tersebut di atas.

T.T

(DATO' ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 10 hb. Oktober, 1989.

Bil.(29)dlm.PTG.Sel.11/1/15